



PM hadir majlis kahwin di Alor Setar

PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob semalam menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki Ketua UMNO Bahagian Alor Setar, Datuk Mohd. Yusof Ismail di Stadium Suka Menanti, Alor Setar.

Ismail Sabri meluangkan masa lebih sejam dalam majlis tersebut untuk meramah mesra dengan keluarga pengantin dan tetamu.

Majlis resepsi Ahmad Ikhran Mohd. Yusof, 26, dan pasangannya, Aida Fatini

Azhari, 26, berlangsung meriah.

Antara anggota Kabinet yang hadir memeriahkan majlis itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

■ **ISMAIL** Sabri Yaacob (tengah) bergambar bersama pasangan pengantin, Ahmad Ikhran Mohd. Yusof (tiga kiri) dan Aida Fatini Azhar (tiga kanan) serta Mohd. Yusof Ismail (kiri) di Alor Setar, semalam. - **UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

UM - 10/6/2022 m/s:3